

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 16 RABU 16 APRIL, 1969 1389 27 رابو PERCHUMA

D.Y.M.M. rasmikan Mashuarat Agong P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang ke-20 yang berlangsung pada hari Jumaat, 11 April yang lalu di-Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Keberangkatan tiba Baginda telah disambut oleh Yang Di-Pertua, jawatankuasa dan anggota2 persekutuan itu.

Pengarah Pelajaran, Dato Malcolm MacInnes dan Yang Di-Pertua Persekutuan itu, Awang Suni bin Haji Idris telah memberikan ucapan di-majlis itu dan do'a selamat telah di-bacakan oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Mohammad di-akhir majlis pembukaan itu.

Di-antara yang hadir ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Adair, Yang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, ahli2 majlis mashuarat dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Sa-bagai kenang2an, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menyebarkan chenderamata yang berupa gambar Bangunan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kepada Baginda.

Sa-belum merasmikan pembukaan itu, Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah ucapan yang seperti berikut:

"Segala pujian2 bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadikan kita semua dan alam dunia ini dan kapada-nya kita bershukur kerana rahmat dan petunjuk-nya yang tidak terhingga yang telah di-churahkan dan di-limpahkan kapada negeri kita Brunei sa-tiap masa. Kita sertaina pada meng-ucapkan salam dan selawat kapada Junjongan kita pemimpin agong Saidina Mohammad s.a.w., kerabat2 serta sahabat2 Baginda.

Awang2 dan Dayang2 sekalian, Kita yakin Awang2 dan Dayang2 sekalian tentu sekali mengenali malah memahami akan tanggung-jawab2 Awang2 dan Dayang2 selaku pendidik akan ahli2 kumpulan besar cherdek pandai terhadap pada melambangkan nama baik Negeri Brunei selaras dengan nama sebutan Negeri Brunei Darussalam, negeri ini.

(LIHAT MUKA 8)



D.Y.M.M. kelihatan sedang bertitah sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Mashuarat Agong P.G.G.M.B. Dudok dari kanan ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Suni bin Haji Idris.

Istiadat mengurniakan bintang2 kebesaran dan pingat2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengurniakan bintang2 kebesaran Negeri Brunei dan pingat2 kapada 96 orang dalam satu istiadat yang telah di-adakan di-Lapau Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Senarai pengurniaan itu telah di-dahului oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Mohammad Yassin yang di-kurniakan dengan Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Pertama — S.P.M.B.

Bintang yang sama juga di-kurniakan kapada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Awang Haji Mohammad Taha bin Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussein.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah

Kedua — D.S.N.B. telah di-kurniakan kapada Yang Berhormat Begawan Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar bin Awang Rendah.

Tiga orang telah di-kurniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati Darjah Kedua — D.P.M.B.

Mereka ia-lah Pengiran Metassim bin Pengiran Omarali, Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Md. Ja'afar dan Awang Norman Bradbury.

Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.N.B., telah di-kurniakan kapada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Khabar, Pengiran Anak Md. Yusuf ibni Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam, dan Dr. Yung Han Paik.

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — S.L.J. kapada Awang Mohd Ali bin Salleh dan Awang E.M. Reynold.

(LIHAT MUKA 8)

D. Y. M. M. rasmikan kursus

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Kursus Guru2 dan Pegawai2 Ugama kali yang ke-tujuh pada hari Sabtu 19 April ini.

Kursus yang berlangsung sa-lama lima hari itu akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit, Bandar Brunei.

Di-upacara itu Duli Yang Maha Mulia juga akan menyampaikan siji2 kepada 86 orang guru lelaki dan perempuan yang telah tamat kursus perguruan ugama bagi tahun 66/67 dan 67/68.

Kira2 550 orang guru2 dan pegawai2 ugama dari seluruh negeri di-jadualkan menghadiri kursus tersebut.

Kursus Guru2 Melayu

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan Kursus Guru-Guru Melayu Bahagian Rendah Sekolah2 Rendah pada hari Sabtu 19 April, 1969 di-Dewan Maktab S.O.A.S., Bandar Brunei.

Kursus tersebut ada-lah anjoran Jabatan Pelajaran dan ia-nya akan berjalan sa-lama sa-minggu.

Kira2 250 orang guru2 besar dan guru2 penolong kanan dari seluruh negeri akan menyertai kursus tersebut.

Jabatan Pertanian pindah

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah pindah dari pejabat-nya di-bangunan Pejabat Pos ka-bangunan baru di-Batu Satu Jalan Kumbang Pasang, Bandar Brunei.

Orang2 yang hendak berhubung melalui talipon dengan pejabat itu hendak-lah menggunakan nombor 3144.

Talipon baru itu mempunyai saloran ka-bahagian perseorangan.

DALAM chermah saya di-Kelas Bimbingan Sastera anjoran Persatuan Asterawani yang lalu, saya telah menimbulkan masa'alah penggunaan akar-kata "kunjong" yang di-tinjau dari sudut Ilmu Ma'ana — Semantik — telah melalui proses perubahan yang agak kabur. Sejak cheramah saya itu banyak-lah orang2 yang berminat dalam hal ini meminta kepada saya untuk memberi penerangan2 yang agak jelas mengenai-nya, supaya hal tersebut dapat di-pertimbangkan bersama2 sa-chara objektif dan ilmiah. Maka atas permintaan tersebut dalam ruangan ini saya akan chuba menjelaskan pendapat saya berhubung dengan ma'ana asal dan chara menggunakan akar-kata "kunjong" itu. Dalam tinjauan saya ini, saya akan lebeh menyandarkan pendapat saya itu pada kelaziman orang2 tua Melayu Brunei menggunakan akar-kata "kunjong" itu.

Menurut "Kamus Umom Bahasa Indonesia" susunan W.J.S. Poerwadarminta (chetakan ketiga, 1961), akar-kata "kunjong" itu di-ertikan saperti berikut: "pergi (datang) untuk menengok (menjumpai dsd); mithal-nya: Pada hari raya ini banyak orang berkunjong ka- rumah saya". Menurut R.O. Winstedt pula ("Kamu Bahasa Melayu", chetakan Pertama, 1960) akar-kata "kunjong" itu di-ertikan sa-bagai: "melawati (rumah, keramat, tempat, kerana orang kematian atau lepas hari raya)". Menurut Hj. Shamsuddin b. Md. Yunus pula ("Kamus Melayu", chetakan ke-4, 1964) erti akar-kata "kunjong" itu ia-lah: "pergi atau datang, melihat atau menjumpai, menziarahi". Ini-lah pengertian yang terdapat di-Malaya dan di-Indonesia yang akar-kata "kunjong" itu tidak ada perbezaan-nya dengan kata2 saperti "pergi", "datang", "lawat" dan sa-bagai-nya, tetapi bagi kita di-Brunei pengertian kata "kunjong" itu ada-lah termasuk kadalam kategori kata2 yang mempunyai ma'ana yang khusus. Sama-lah hal-nya dengan kata "harus": di-Indonesia kata ini ada membawa ma'ana "mesti" tetapi di-Malaya dan Brunei ma'ana saperti itu tidak ada.

Saya akui bahawa pada umom-nya erti kata "kunjong" itu ia-lah "datang" tetapi saperti bidalan orang2 Melayu "datang bukan sa-barang datang". Di-Brunei apabila sa-seorang itu *berkunjong* ka-suatu tempat erti-nya orang itu *mendatangi suatu tempat yang di-muliakan, di-hormati dan di-sayangi*. Dari sudut ini kata "kunjong" itu ada-lah hampir2 sama ma'ana-nya dengan kata "dziarah". Untuk lebeh jelas chuba kita perhatikan ayat2 berikut:

- (1) Pada tiap2 tahun ramai orang pergi ka-Madinah untuk *mengunjongi* Makam Rasulullah.
- (2) Mengunjongi kubur orang-tua. (Sultan Mohd. Zain,

Kata "Kunjong": suatu perubahan semantik

DARI CHERAMAH RADIO OLEH:

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

"Kamus Moderen Bahasa Indonesia").

- (3) Yang muda mengunjongi yang tua.
- (4) Tidak-lah patut Ahmad sa-bagai saudara yang tua mengunjongi Aminah adek-nya yang bungsu itu.

Dari ayat2 tersebut di-atas dapat-lah kita fahamkan bahawa kata "kunjong" itu ada membawa maksud penghormatan untuk tempat2 atau orang2 yang hendak di-kunjongi. Ada-lah tidak munasabah (malah dari segi sopan-santun orang Melayu suatu bahasa kasar) jika kata "kunjong" ini di-gunakan untuk meminta orang lain datang ka-tempat kita, umpama-nya ayat ini: "Dengan segala hormatnya mempersilakan Awang/Dayang *berkunjong* ka-rumah

Saya akui pendapat bahasa kersmian pemakaian bahasa ada-lah atas penerimaan masyarakat tetapi pada had2-nya yang tertentu, terutama dari sudut proses perubahan ma'ana ("semantic change"). Hal ini ada-lah jelas pada kata "kunjong" yang di-binchangkan di-sini. Pada mula-nya kata "kunjong" mempunyai ma'ana yang khusus bagi kita di-Brunei tetapi dalam proses pemakaian-nya (terutama oleh kerana di-pengarohi oleh pengertian dari Indonesia dan Malaya) ma'ana-nya yang khusus ini telah menjadi kabur dan akhirnya ma'ana yang khusus ini telah lenyap dan yang tinggal hanya-lah ma'ana-nya yang paling umom. Kata "kunjong" itu telah "di-terima" oleh masyarakat sekarang sa-bagai tidak berbeza dengan kata2 "datang", "hadzir" dan sa-umpama-nya. Kapada orang2 yang ingin mempertahankan "penerimaan" masyarakat sa-bagai kuasa de facto dalam hal2 perasmian bahasa, saya ingin mengemukakan beberapa so'alan, yang so'alan2 ini ada-lah melibatkan moral dan tanggung-jawab.

1. Kalau penggunaan satu2 perkataan itu telah di-terima oleh masyarakat dengan mencontohi chara penggunaan yang lampau, tetapi sekarang kita sedar bahawa penggunaan itu ada-lah salah, bertanggong-jawab-kah kita terhadap perkembangan bahasa kalau kesalahan itu kita biarkan berlanjutan?
2. Kerana sa-memang-nya satu2 perkataan itu mempunyai ma'ana-nya yang asal, dan di-sebabkan oleh kelalaian pengguna2 bahasa tersebut, ma'ana asal itu telah lenyap, yang tinggal hanya-lah ma'ana umom, apa-kah usaha untuk mengembalikan ma'ana asal itu suatu usaha yang merugikan perkembangan bahasa?
3. Apa-kah masa-nya sudah terlambat bagi kita untuk memperbaiki semua "ke-

salahan2" pemakaian dalam bahasa Melayu dewa-sa ini?

Saya tidak melihat sa-suatu chelaan dalam usaha "memperbaiki" sa-suatu kalau terbukti sa-suatu itu memang "salah". Sa-suatu yang salah tetapi di-terima oleh masyarakat sa-bagai "tidak salah", tidak berma'ana yang taraf "salah"-nya itu sudah hapus. Sistem Ejaan Sekolah buat sekian lama telah "di-terima" oleh masyarakat sa-bagai suatu yang betul, logik, sesuai dan praktis, tetapi sekarang ahli2 bahasa sudah dapat mengatakan bahawa "penerimaan" masyarakat itu tidak sa-mesti-nya betul, logik, sesuai dan praktis. Walau pun pada umom-nya orang bersetuju bahawa bahasa itu suatu simbol vokal yang sa-wenang2 ("arbitrary vocal symbol") tetapi orang juga tidak dapat menolak suatu chabang ilmu yang di-sebut "language engineering" — suatu pembenaan bahasa sa-chara sedar dan berdasarkan lunas2 keilmuan. Tujuan-nya bukan-lah untuk menyekat perkembangan bahasa tersebut tetapi untuk mendorong perkembangan itu jangan sampai ia-nya banyak di-pengarohi oleh unsur2 yang kronik. Demikian-lah perkembangan kata "kunjong" dengan ma'ana yang khusus telah bertukar kapada suatu ma'ana yang kabur ada-lah suatu perkembangan yang kronik — walau pun sa-benar-nya perkembangan ini sudah di-terima oleh masyarakat. Tetapi tidak terdapat suatu kerugian pun dari sudut ilmu "language engineering" untuk menempatkan sa-mula kata "kunjong" tersebut kapada ma'ana-nya yang asal.

Wakil Brunei ka-sidang ECAFE

BANDAR BRUNEI. — Lima orang pegawai kanan kerajaan telah berlepas dengan kapal terbang pada hari Isnin lepas untuk mewakili negeri ini ka-persidangan Suruhanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh (ECAFE) di-Singapura yang bermula semalam.

Rombongan yang di-ketuai oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Mohd. Taib bin Awang Besar itu mengandongi Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz Umar, Awang Mohd. Kassim bin Daud, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar dan Dato Dr. J.S. Gould, Penasihat Ekonomi Bangsa2 Bersatu.

Awang Jaya bin Abdul Latif menyertai rombongan itu selaku Setia Usaha.

Persidangan itu berlangsung di-Dewan Persidangan Singapura dan telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Presiden Republik Singapura, Inche Yusof Ishak.

Persidangan itu antara lain akan membincangkan masa'alalah yang bersangkut paut dengan ekonomi dan social di-negara2 yang membangun dalam lingkungan ECAFE termasuk perbincangan mengenai projek jalan raya di-kawasan Asia.

Ia-nya juga akan membincangkan perkara mengenai ayer perkembangan statistic dan lain2 perkembangan social, pertanian, bantuan teknik dan lain2 aktiviti2 di-Tenggara Asia dan Timor Jauh.

Rombongan Brunei itu dijadualkan pulang ka-tanah ayer pada 29 April.

PASOKAN pertahanan negara kita, yang terutama sekali pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, kini ada-lah satu pasokan tentera moden yang gagah lagi chekap untuk mengatasi sa-barang kemungkinan di-negeri ini. Pasokan tersebut sungguh pun kechil bilangan angkatan-nya, ada-lah terdiri dari parajurit2 yang chukop terlateh, berjiwa perwira lagi bersemangat tinggi untuk mempertahankan nosa dan bangsa-nya. Di-samping itu mereka ada-lah di-lengkapi dengan alat2 senjata moden, kereta2 perisai, beberapa buah helikopter dan kapal peronda termasuk sa-buah yang paling laju sekali ia-itu K.D. Pahlawan. Demikian yang tersiar dalam surat khabar Bintang Harian keluaran 28 Mach 1969 yang lalu.

Pasokan bersenjata memang sangat mustahak bagi sa-sebuah negara, kerana pasokan tersebut bertugas untuk mempertahankan ugama, bangsa dan tanah ayer, bukan untuk mencheruboh atau menindas pehak yang lemah dan merebut kekayaan. Mempertahankan ugama, bangsa dan tanah ayer berarti menghidupkan perkara2 itu, sebab kalau ugama, bangsa dan tanah ayer tidak di-pertahankan, tidak dihidupkan, maka ugama, bangsa dan tanah ayer itu akan musnah dan hanchor, tentu-nya kehanchoran itu terbit daripada kechuaian, kalau ini terjadi kapada kita, berarti kita umat Islam di-negeri ini menchuaikan ajaran2 ugama kita sendiri.

Islam mengajar pemelok2-nya supaya berjuang, berjuang untuk mempertahankan ugama mereka, menegakkan ugama mereka. Mempertahankan dan menegakkan ugama itu sendiri di-atas sa-buah negara dan didukung oleh pemelok2-nya, pemelok2 itu ia-lah umat Islam. Kalau pemelok2 ugama Islam itu tidak mempunyai tempat atau tidak mempunyai negara, tentu-lah perjuangan untuk mempertahankan dan menegakkan-nya tidak mempunyai tapak, tidak mempunyai pusat atau markas yang mengelolakan-nya dengan terator.

SABDA NABI

Di-sini-lah timbul-nya mempertahankan tanah ayer dan bangsa itu berarti mempertahankan ugama, apa lagi Nabi kita pernah bersabda yang bermaksud bahawa "Kasehkan tanah ayer itu sa-bahagian daripada iman".

Berjuang di-jalan Allah sangat-lah menguntungkan, perkara ini di-sebutkan oleh Allah dalam Surat Al-Saf ayat 10 dan 11 yang bermaksud:

"Wahai orang2 yang beriman, mahukah kamu aku tunjukkan kapada kamu suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab yang pedeh, ia-itu kamu beriman kapada Allah dan rasul-nya dan berjuang (berperang) pada jalan Allah dengan harta benda dan diri kamu sendiri. Itu-lah yang terlebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahuinya".

Pasokan bersenjata bertugas mempertahankan Ugama, bangsa dan tanah ayer

KHUTBAH JUMA'AT

Menurut maksud ayat suchi tersebut, bahawasa-nya berjuang di-jalan Allah dengan harta dan nyawa ada-lah suatu chara untuk mendapat kemenangan. kemenangan di-dunia dan kemenangan di-akhirat.

Pasokan bersenjata kita ada-lah pasokan yang membanggakan kerana pasokan itu tidak putus2-nya menjalani latehan, latehan untuk menambahkan pengalaman dan kecekapan mereka dalam menjalankan tugas. Perkara latehan ini pernah di-ulas oleh lidah pengarang surat khabar Bintang Harian seperti berikut:

"Di-Tutong, satu lagi latehan yang bertujuan untuk melateh anggota2 tentera dalam pertahanan2 besar di-darat telah di-pereksa dan di-akui sabagai sangat2 memuaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Colonel-in-Chief pasokan tersebut."

Sa-benar-nya menurut ajaran Al-Koran bahawa perjuangan di-medan perang kerana mempertahankan ugama, bangsa dan tanah ayer dengan niat yang suchi sangat-lah berkebajikan, perkara ini ternyata dari firman Allah dalam Surat Al-Taubat, ayat 88 yang bermaksud:

"Tetapi Rasulullah dan orang2 yang beriman beserta-nya, berjuang (berperang) dengan harta dan diri mereka, mereka itu beroleh bermacham2 kebajikan dan mereka itu-lah orang2 yang menang".

Dalam surat yang sama ayat 41, Allah berfirman bahawa "Keluar-lah kamu ka-medan perang, berjalan kaki atau berkenderaan dan berperang-lah kamu dengan harta dan diri pada jalan Allah, demikian lebeh baik bagi kamu jika kamu mengetahui-nya".

PANDANGAN ISLAM

Menurut pandangan Islam, bahawa pejuang2 yang terkurban di-jalan Allah tidak-lah dapat di-sifatkan mati, bahkan mereka itu hidup di-bawah lindungan Allah. Perkara ini dinyatakan oleh Allah dalam Surah Al-Emran ayat 169 yang bermaksud:



"Jangan-lah engkau sangka bahawa orang2 yang terkurban pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka yang terkurban itu hidup pada sisi Allah dan mereka itu mendapat rezeki".

Oleh itu pasokan bersenjata kita, di-samping mereka menjalankan latehan2 untuk menambahkan pengalaman dan kecekapan mereka bagi maksud mempertahankan ugama bangsa dan tanah ayer, mereka hendak-lah mempelajari dan mengulang kaji ajaran2 ugama Islam serta beramal dengan-nya agar perjuangan mereka itu benar2 menurut ajaran Allah dan mereka dapat di-sifatkan sa-bagai pahlawan2 Islam yang gagah perkasa dan sentiasa siap sedia berjuang pada jalan Allah dengan harta dan jiwa raga mereka. Semoga Allah melindungi pasokan bersenjata kita dan semoga Allah memberikan taufik hidayah kapada pemimpin2-nya untuk memandu pasokan tersebut yang di-redhai oleh Allah.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16 April, 1969 hingga ka-hari Selasa 22 April, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
16 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
17 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
18 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
19 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
20 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
21 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
22 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

16 April, 1969.

MASAALAH MEMBELI TIKET2 WAYANG

PANGGONG2 wayang di-negeri ini ada-lah merupakan satu tempat tumpuan orang ramai untuk mendapatkan hiburan2 dan sa-lain dari itu tidak ada tempat lain yang hendak mereka tuju, kecuali di-tempat2 yang bukan umum sifat-nya.

Namun begitu bukan-lah arti-nya kerana satu jurusan hiburan itu saja di-buat sa-bagai tempat untuk melepaskan sasaran kedahagaan hiburan dengan tidak payah memikirkan hukum2 kemanusiaan yang sa-benar-nya.

Panggong2 wayang bukan-lah merupakan satu jurusan yang baru bagi kita, bahkan lapangan itu sudah lama kita kenal dan hubungan dengan peminat2-nya begitu mesera sekali.

Belum lama dulu, bahkan sejak akhir2 ini hingga kepada persidangan2 mashuarat baik yang rasmi mahu pun yang tidak rasmi telah timbul sungutan2 tentang "keadaan yang kurang elok dalam masalah membeli tiket2 di-panggong2 wayang di-negeri ini, terutama di-Bandar Brunei." Keadaan berebut2 ketika membeli tiket hampir sa-tiap hari kita saksikan, terutama sekali jika cherita2 yang bagus hendak ditunjukkan.


Keadaan begitu menyebabkan kita ingat kembali ka-zaman "Panggong Papan" (tempat-nya di-penjuruan Padang Besar sekarang — berhadapan dengan Malayan Bank) di-mana di-kesahkan bagaimana orang ramai membeli tiket pada waktu itu sa-hingga jendela yang berpagar besi itu telah pecah dan besi2 waja-nya bengkok bengkok. Ini di-zaman Panggong Papan dalam tahun 40han.

Tetapi masa ini kita sudah berada di-zaman panggong batu dan ada pula yang ber-hawa dingin dan sudah ada panggong yang mengadakan pagar2 yang mengajak pembeli2 tiket supaya mengikut sistem berbaris ketika hendak mengambil tiket.

Namun demikian, nampak-nya di-zaman Panggong Papan itu dalam soal membeli tiket tersebut masih lagi di-warithi, walau pun keseluruhan pembeli2 tiket itu merupakan angkatan2 yang baru dan mesera sekali dengan kemodenan dalam berhabagi2 segi, tegas-nya tidak lagi yang berchorak primitif.

Tentu-nya keadaan yang demikian dapat di-robah, lebeh2 lagi dengan perkembangan dan kemajuan sekarang.

Untuk mengubah ka-satu sistem yang terator, maka peminat2 wayang gambar harus bekerjasama antara satu dengan yang lain dan perasaan timbang rasa hendak-lah di-amalkan. Di-samping itu hendak-lah di-tanam perasaan yang kita raayat negeri ini hidup dalam alam kemajuan dan menikmati kemajuan itu dengan sa-inak2-nya. Kita hendak-lah berusaha mengharumkan nilai sama2 membantu bagi memperbaiki keadaan yang sudah tidak sesuai di-zaman yang serba maju ini.



Pelajar2 kelas dewasa ugama peringkat rendah di-Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria.

Pelajar2 kelas dewasa di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Pelajar2 kelas dewasa ugama di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan Berakas sedang menjalani peperiksaan baru2 ini.



PELAJARAN DEWASA UGAMA SEMAKIN MELUAS

SALAH satu dari kegiatan2 yang di-enggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam menjayakan perkembangan Ugama Islam ia-lah memperikan pelajaran ugama di-kalangan raayat dengan membuka beberapa banyak kelas2 dewasa ugama di-seluruh negeri.

Pada 20 Januari 1963 sa-banyak 92 buah kelas2 ugama telah di-buka di-seluruh negeri dengan ramai pelajar2-nya sa-banyak 4,031 orang termasuk 1,864 orang perempuan. Daerah Belait ia-lah yang paling ramai sekali pelajar2-nya di-ikuti pula oleh Daerah Brunei-Muara, Temburong dan Tutong.

Pemangku Nadzir Kelas2 Dewasa Ugama, Awang Ahmad bin Ramli telah menyatakan bahawa dalam tahun 1963 hingga 1967 sukatan2 pelajaran dewasa ugama belum-lah dapat di-susun dengan sempurna kerana kesulitan2 lain yang tidak dapat di-elakkan terutama-nya dalam tingkatan umur dan pengalaman yang berbeza2 diri pelajar itu sendiri.


Sungguh pun demikian masalah2 itu telah dapat di-atasi dan isi pelajaran itu sa-mata2 di-titik beratkan chara beribadat mengesakan Tohan dan menta'ati perintah2-Nya dan menjauhkan larangan-nya. Di-samping itu di-salurkan juga pelajaran bermasyarakat, berbakti kepada bangsa dan negara dan pelajaran2 lain mengikut kehendak dan penerima pelajar itu sendiri.

Perasaan muhibbah dari para guru begitu chepat mengambil tempat di-hati penuntut2-nya di-mana peluang2 beribanya berbincang dan menjawab kemuskilan2

bukan saja di-kelas tempat belajar malah di-mana saja tempat yang sesuai perbincangan perkara ugama tidak lagi merupakan satu bayangan yang samar2 di-antara murid dan para guru.

Dalam tahun 1968 pelajaran dewasa ugama ini baru-lah dapat di-jalankan mengikut sukatan2 pelajaran yang tertentu. Ia-nya mempunyai dua tingkatan ia-itu Rendah dan Menengah. Tiap2 tingkatan itu akan memakan masa belajar sa-lama tiga tahun ia-itu tahun pertama, kedua dan ketiga tetapi bagi tingkatan tertinggi ia-nya memakan masa sa-lama dua tahun saja.

Pereksaan di-adakan tiap2 tahun ketiga bagi tingkatan Rendah dan Menengah dan tahun kedua bagi tingkatan tertinggi. Mereka yang lulus dalam tingkatan tertinggi samalah juga taraf-nya dengan darjah enam di-sekolah2 Ugama yang lain.




Pelajar2 kelas dewasa ugama peringkat rendah di-Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria.



Pelajar2 kaum ibu yang mengikuti kelas dewasa ugama di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan Berakas.



Kelas2 dewasa ugama peringkat rendah di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan Berakas.



Pelajar2 kelas dewasa ugama yang terdiri dari kaum ibu di-Seria.

Pelajar2 kelas dewasa ugama di-Khemah Tahanan Berakas yang mengikuti pelajaran peringkat menengah.

Pelajar2 kelas dewasa ugama di-Khemah Tahanan Berakas yang mengikuti pelajaran peringkat rendah.



MASAK AYER SA-BELUM DI-MINUM

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Kesihatan, Dr. Y.H. Paik menasihatkan penduduk2 di-Tutong supaya memasak ayer sa-belum di-gunakan.

Dr. Paik berkata, kaki-tangan-nya telah melakukan ujian ka-atas chontoh ayer yang di-ambil dari sa-buah kedai dan ayer dari tempat simpanan ayer di-Tutong dan mereka mendapati bahawa ayer itu mengandungi terlalu banyak kuman.

Beliau berkata, oleh kerana bertambah banyak-nya kuman2 itu ia-lah di-sebabkan kemarau sekarang.

Dr. Paik berkata, chara yang baik sekali untuk membunuh kuman2 itu ia-lah dengan memasak ayer itu sa-belum menggunakan-nya.

Sementara itu, Jurutera Ayer, Awang D.R. Campbell menasihatkan keadaan ayer yang ada sekarang di-negeri ini sa-bagai buruk.

Awang Campbell berkata, bekalan ayer sekarang ini diawasi dengan teliti dan ada kemungkinan bekalan ayer di-Bandar Brunei akan di-potong lagi jika kemarau berpanjangan.

Awang Campbell memberi jaminan bahawa tidak ada rancangan segera untuk mengurangkan lagi bekalan ayer sa-lama 12 jam sa-tiap hari yang ada sekarang bagi kawasan2 Bandar Brunei.

Di-Muara pada masa ini hanya mendapat bekalan ayer sa-lama dua jam dan di-Tutong sa-jam sa-hari.

Awang Campbell berkata, tempat simpanan ayer di-Tutong sekarang ini telah kering.

Beliau berkata, bekalan ayer sekarang di-dapati dari sa-buah kolam dan di-angkut ka-rumah2 di-kawasan Pekan Tutong.

Awang Campbell menambah kata, penduduk2 yang tinggal jauh dari Pekan Tutong mendapat bekalan ayer yang di-angkut dari Jerudong.

Awang Campbell juga menasihatkan orang ramai supaya memasak ayer sa-belum di-minum.



Majlis2 Mashuarat Daerah: Lima usol di-luluskan

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh berkata, kerajaan sentiasa menitik beratkan tentang kebajikan rakyat terutama kesihatan mereka.

Pengiran Othman telah berucap di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang berlangsung di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong pada hari Selesa lepas.

Beliau berkata, kerajaan berusaha sa-bberapa daya untuk memberikan kemudahan2 dan melaksanakan projek2 yang mendatangkan faedah termasuk pembenaan kelinik2 di-kawasan2 di-mana kelinik2 itu sangat di-kehendaki.

Terdahulu sa-belum itu, majlis telah meluluskan dua dari tiga usol yang telah dibentangkan oleh ahli2 majlis pada hari itu.

Usol yang pertama di-kemukakan oleh Awang Ringgit bin Luang — wakil kawasan Ukong-Bukit yang menasihatkan pegawai daerah supaya meminta kerajaan membena sa-buah kelinik di-Ulu Tutong.

Ketika membentangkan usol tersebut, Awang Ringgit menyatakan tentang betapa perlunya di-bena sa-buah kelinik di-kawasan itu kerana ia-nya terlalu jauh dari bandar.

Beliau berkata, lawatan perubatan yang menggunakan helikopter sa-kali dalam dua

bulan itu tidak-lah menchukupi.

Usol yang kedua di-luluskan oleh majlis itu telah dibentangkan oleh Awang Yahya bin Mohammad Said — wakil bagi kawasan Sinaut — yang meminta kerajaan mengadakan bekalan letrik bagi penduduk2 Kampong Sinaut dan kawasan2 yang berhampiran.

Beliau berkata, kerajaan telah lama melancharkan rancangan bekalan letrik di-se-luruh negeri dan masa-nya sudah tiba bagi kampong itu dan kawasan2 yang berhampiran mendapat bekalan letrik.

Dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait pula sa-banyak tiga usol telah di-luluskan.

Persidangan yang telah diadakan pada hari Rabu lepas itu berlangsung di-bilek persidangan Pejabat Daerah dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Usol pertama di-kemukakan oleh Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh — wakil kawasan Panglima — yang meminta kerajaan sa-bidang tanah bagi pembenaan sa-buah panggong wayang yang di-usahakan oleh orang2 Melayu.

Malai Mashor bin Malai Abdul Hj. Hamid — wakil Pekan Seria — telah mengemukakan usol meminta Jabatan Kerja Raya dan Letrik memberikan pakaian seragam kepada kaki-tangan2 yang bekerja memeriksa dan menchatet meter2 bekalan letrik, gas dan ayer.

Malai Mashor juga meminta jabatan2 yang berkenaan itu hendaklah memberikan surat2 pengenalan kepada pekerja2 itu.

Usol ketiga di-kemukakan oleh Awang Mohammad Yassin bin Yusof — wakil kawasan Panaga — yang meminta supaya Bahagian Penerangan Ugama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan supaya dapat menyediakan program pertunjukkan wayang gambar di-kawasan Lorong Lapan dan Sembilan di-Seria.

Gambar atas menunjukkan sabahagian daripada penuntut2 dari Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit, Bandar Brunei berada di-salah sa-buah studio Radio Brunei ketika mereka melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan baru2 ini.

Lebeh banyak lagi jentera2 pembajak akan di-beli

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian akan membeli lebeh banyak lagi jentera2 pembajak bagi memenuhi keperluan peladang2 di-negeri ini.

Ketika menyatakan demikian, Pengarah Pertanian Awang K.G. Malet berkata kerajaan telah meluluskan untuk membeli sa-banyak 18 buah jentera pembajak dalam tahun ini yang akan menjumlahkan 56 buah ka-semuanya.

Di-antara 18 buah jentera yang akan di-beli itu termasuk beberapa buah jentera bentok baru jenis 'Satoh'.

Awang Malet berkata, kebolehan jentera pembajak Satoh telah di-uji di-Pusat Pertanian Kilanas baru2 ini.

Beliau menasihatkan jentera tersebut sa-bagai ringan dan chepat dari jentera2 pembajak 'Kubota', 'Fuji' dan 'Iseki'.

Beliau menambahkan, Jabatan Pertanian akan membeli empat buah jentera Satoh sa-bagai perhubungan.

Jabatan Pertanian telah mula menggunakan jentera2 pembajak dalam tahun 1967.

Jentera2 itu di-kendalikan oleh kaki-tangan Jabatan Pertanian dan peladang2 di-kenakan bayaran sewa yang murah.

Awang Malet berkata, usaha sedang di-buat untuk menunjukkan dan menajar peladang2 chara menggunakan jentera2 pembajak itu.

Kembali sa-telah hadhiri kursus

BANDAR BRUNEI — Dr. I.G. Singh, sa-orang doktor penyakit otak di-rumah sakit besar, Bandar Brunei telah kembali ka-Brunei sa-telah menghadiri kursus bi-mahasiswa kerja dalam jurusan ilmu penyakit jiwa di-New Zealand dan Australia di-bawah anjuran Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia.

Sa-masa menjalani kursus tersebut, Dr. Singh telah di-tempatkan di-institute2 ilmu penyakit jiwa Auckland, New Zealand sa-lama dua bulan sa-tengah dan di-Sydney dan Melbourne, Australia sa-lama dua minggu.

Dr. Singh menasihatkan kursus itu sangat menggalakkan dan berjaya.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Bidan Pelajar

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan sa-bagai Bidan Pelajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah VI Sekolah Melayu atau kelayakan yang sa-bandingan dengan-nya dan pandai bertutur dalam bahasa Melayu Pasar. Pertimbangan yang utama akan di-beri mengikut kelulusan Pelajaran yang pernah di-jalani. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang bersedia untuk pulang ka-kampung2 mereka untuk berkhidmat sa-bagai Bidan apabila mereka sudah mempunyai kelayakan. Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2nya 20 tahun.

Latehan:

Chalun2 yang terpilih akan di-kehendaki menjalankan satu latehan sa-lama 2 tahun di-Sekolah Perbidanan di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei. Sa-telah tamat tempoh latehan sa-lama 6 bulan, bidan2 pelajar yang tidak menjalankan kursus dengan memuaskan mungkin akan di-berhentikan. Bidan2 Pelajar di-kehendaki lulus satu peperiksaan sa-telah tamat kursus latehan itu.

Tugas2 Selepas Latehan:

Bidan2 yang telah lulus akan bertugas di-kampung2 ia-itu di-kinik2 khas.

Tingkatan Gaji:

Bidan Pelajar — \$152/sa-bulan
Bidan (Terlateh) — \$200x10-270/EB/280x10-330.
Bidan (Staff Midwife) — \$380x20-480/EB/500x20-620.

Bidan2 Pelajar yang di-lantek di-bawah ranchangan ini ada-lah berhak mendapat pakian seragam perchuma dan alaon dhobi.

Bidan2 Terlateh ada-lah berhak di-naikkan pangkat menjadi Bidan (Staff Midwife).

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 26 April, 1969.

DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan

Sa-bagai Guru

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada guru2 terlateh untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Chalun2 akan di-temu duga di-Singapura, Malaysia atau Brunei dan chalun2 yang berjaya di-jangka memulakan tugas mereka pada awal bulan Januari 1970 atau pun lebeh awal daripada itu. Jawatan2 ini ada-lah di-dapati di-Sekolah2 Menengah Jenis Melayu dan Bahagian Persediaan dan Menengah Inggeris serta di-ke dua2 bahagian Melayu dan Inggeris Maktab Latehan Perguruan, Brunei.

Chalun2 yang berjaya akan di-berikan salah satu daripada tangga gaji yang tersebut di-bawah ini menurut kelulusan dan pengalaman mereka.

(a) Guru Terlateh yang tidak berijazah: \$440x20—660x30—840.

(b) Guru2 Terlateh yang mempunyai Ijazah biasa: \$620x20—660x30—990.

(c) Guru2 Terlateh mempunyai Ijazah Honours: \$750x30—1,200.

Tempoh Perkhidmatan:

Sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 26 April, 1969.

Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

PEMBANTU2 RANCHANGAN TINGKATAN III

Kelayakan2:

(a) Bahagian Melayu: (3 kekosongan)
Mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.

(b) Bahagian China: (2 kekosongan)
Mesti-lah lulus Form III Inggeris bersamaan dan 'Chinese Senior Middle Three.'

(c) Bahagian Inggeris: (2 kekosongan)
Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris.

Chalun2 akan di-uji bagi menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

Gaji: Dalam sukatan gaji D-1-2-3 EB 4 — \$210x10—270x15—360x20/ — 480/EB/500x20—620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Chalun2 yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis: Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Mei, 1969.

Sa-bagai Pemeriksa Kira2

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pemeriksa Kira2 di-Jabatan Odit, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$230x10—270x15 — 360/EB/380x20 — 420/EB/440x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Form III Inggeris dan mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman atau yang telah mempelajari dalam bidang odit atau juru kira.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 7 Mei, 1969.



KESEDARAN ADA-LAH PERLU UNTUK KEMAJUAN!

Mashuarat Agong P. G. G. M. B.

(DARI MUKA 1)

Tugas seperti ini bukan hanya terhad di-waktu2 persekolahan sahaja, di-bilek2 darjah malah bila2 waktu mana2 tempat laila pendidik belajar, pimpin-lah dan diked-lah anak2 penuntut2 ka-arrah pada melailakan mutu mata pelajaran ilmu pengetahuan bagi membolehkan mereka sa-bagai penuntut laila terpelajar, laila berilmu pengetahuan yang bersi-fat atau mempunyai fikiran yang waras, jujur dan ikhlas pada melaksanakan daya usaha laila menumpukan chintakan keselamatan, keamanan dan ketenteraman laila subur juga mudah2an dengan izin Tohan Negeri kita Brunei yang di-kasehi ini akan berbahagia, mak-mor pada membuahakan rahmat Tohan yang akan dapat di-nikmati oleh isi yang baik dalam-nya.

Awang2 dan Dayang2 sekalian, Kaya pada mengenangkan jasa dan budi baik, kaya pada meng-ingatkan kesan2 jasa dan budi yang maseh terbokti, kaya pada menumpukan laila pandangan dan penglihatan kepada kesan2 jasa dan budi hasil dari usaha yang kebajikan, ikhlas laila jujur dan pada mengayak laila renon-gan hendaknya-lah atau mesti-lah mengingatkan dari semenjak ta-hun 1888, 1905 dan 1906 Negeri kita Brunei lebeh dari berkurun sentiasa dalam aman, tenteram laila subur terselamat dan bahagian laila makmor hasil dari usaha kebajikan yang jujur di-izinkan oleh Tohan yang maha pemurah.

Awang2 dan Dayang2 semua, Kita sukahita pada mengku-kuhkan laila tambahan pendapat buah nasihat kita di-atas.

Yang Pertama, dengan izin Al-lah usaha yang bersungguh2 pada mengawal keselamatan atau ter-jamin-nya negeri kita Brunei di-segi keselamatan, maka isi2 negeri berasa senang.

Kedua, keadaan negeri sentiasa dalam aman, memboktikan raayat penduduk dalam negeri sihat.

Ketiga, tenteram laila subur dalam negeri juga memboktikan raayat penduduk dan isi dalam negeri itu sentiasa patoh kepada undang2 peratoran dan bertujuan laila ka-arrah kebajikan.

Ke-empat, negeri makmor, maka itu akan menjadi kemegahan dan kekayaan isi dalam satu2 negeri itu sebakel-nya kalau-lah raayat penduduk tidak mengamalkan pada menchintai akan usaha pada mengawal keselamatan negeri, maka akibah-nya akan timbul huru-hara. (Barang di-jauhkan oleh Tohan).

Kalau suasana dalam negeri ti-man dan tenteram laila subur, maka tidak di-terima oleh akal laila fikiran segala usaha yang baik laila berfaedah akan dapat di-laksanakan atau di-buat dengan sempurna-nya. Kalau negeri miskin, maka raayat dan isi dalam negeri papa dan kechewa.

Dalam usaha pendidekan laila menuju ka-arrah kebajikan yang benar2 membena pelihara yang supaya penuntut2, mereka yang berlathe menjadi penuntut2 yang terpelajar laila terlatch dan ber-sifat jujur laila amanah amat-lah penting dan berguna pada negeri.

Mesti-lah di-musnahkan dan di-kikis sa-habis2-nya amalan pada mementingkan dan mengutamakan diri sendiri atau pada mementing-kan suatu puak atau pada memen-tingkan suatu kumpulan kerana chara sa-demikian bukan hanya merugikan tetapi juga atau malah akan memusnahkan nama baik Negeri Brunei Darussalam.

Kita berasa gembira kerana dapat ketahui bahawa sa-bilangan besar guru2 Melayu tempatan

yang sudah lulus dalam berba-gai2 pepereksaan seberang laut di-berbagai perengkat. Pada mereka2 ini kita menguchapkan sa-tinggi2 tahniah dan berharap semoga chi-ta2 murni mudah2an akan menjadi chontoh tauladan dan sa-bagai galakan bagi menggiatkan penun-tut rajin belajar dan menuntut ilmu pengetahuan.

Biar-lah kita tegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan kita akan terus menerus memberikan galakan dan kemudahan bagi guru2 tempatan di-negeri ini pada mengelok-kan taraf laila berjenis sudut mata pelajaran menurut saloran yang sihat untuk mensaibangkan laila aliran zaman.

Akhir-nya kita menguchapkan terima kasih pada Yang Di-Per-tua serta ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kerana menjem-put kita hadir ka-majlis yang indah permai ini. Kita berharap semoga keindahan akan mendapat taufik dan hidayah petunjuk dari Tohan ka-arrah kebajikan yang di-redhai-nya.

Awang2 dan Dayang2.

Pada menumpukan laila hasrat ka-arrah kebahagiaan kebajikan yang laila bertata disiplin dan pada patoh kepada undang2 dan peratoran2 ngeeri, maka kita in-gin melihat Persekutuan Guru2 Melayu Brunei berusaha serta giat di-alam kebajikan laila sejah-tera berfaedah atau bermunafat laila munasabah untuk mengha-rumkan laila mutu nama baik Negeri Brunei Darussalam. Mu-dah2an akan menjadi pujian oleh negeri2, negara2 yang baik di-dalam dunia ini.

Alhamdulillah atas penghar-gaan dan sambutan serta layanan yang telah di-berikan kepada kita pada menerima-nya kita uchapkan banyak2 terima kasih dan kita sertai dengan nasihat pada menjaga nama baik Awang2 dan Dayang2 yang berasal dari panchir keturunan yang mulai yang asal-nya atau berasal dari purih keturunan baik itu.

Awang2 dan Dayang2 sekalian, Dengan ketiadaan jujur dan ikhlas dan lebeh2 lagi membuat fitnah2 munafik dan membuat da'-ayah2 palsu sangat-lah di-tegah Allah menurut hukum shara' dan ada-lah salah di-segi undang2 dan peratoran negeri.

Dengan nama Allah Subhanahu Wata'ala yang maha pengaseh lagi maha penyayang, beta rasmi-kan pembukaan Mashuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Tahun 1969 ini. Sekian, terima kasih."

PERADUAN BAYI

BANDAR BRUNEI. — Per-tubohan Perempuan Brunei akan mengadakan Peraduan Bayi dan jualan aneka barang bertempat di-dewan Sekolah Melayu S.M.J.A. Puser Ulak Bandar Brunei pada 9 Mei mulai jam 8.00 pagi.

Peraduan bayi tersebut akan di-bahagikan kepada dua ba-hagian, ia-itu bagi bayi yang berumur dari empat hingga 11 bulan, dan bagi bayi2 yang berumur dari 12 bulan sa-hing-ga 20 bulan.

Borag2 untuk menyertai pera-duan tersebut boleh di-dapati dari klinik2 kshiatan di-Kamponge Ayer atau pun dari penganjur2 chawagan Pertubohan Perempuan.

Borag2 tersebut hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 30 April ini.



D.Y.M.M. sedang menyampaikan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B. kepada Y.B. Begawan Pehin Udana Khatib Haji Umar bin Rengah.

96 di-kurniakan bintang2 dan pingat2

(Dari Muka 1)

Lain2 yang telah menerima bintang2 dan pingat2 pada hari itu ada-lah seperti berikut:

Darjah Mahkota Brunei

Yang Di-Hormati

Darjah Ketiga — SMB.

Pengiran Momin bin Pengiran Md. Salleh; Pengiran Bakar bin Pengiran Mohammad; Dayang Sister A. Fong; Yang Berhormat, Pehin Datu Temenggong, Awang Lim Cheng Choo; Awang Haji Mat Yassin bin Abdullah; Awang Abdul Rahman bin Awang Besar dan DSP. Awang Chua Kong Leng.

Darjah Pahlawan

Negara Brunei Yang Amat

Perkasa Darjah Ke-empat

Pekerna Jaya Brunei — PJB.

Cpl. Awang Harun bin Jais (1966).

Darjah Setia Negara Brunei

Yang Amat Bahagia

Darjah Ke-empat — PSB.

Pengiran Damit bin Pengiran Ahmad Belaman; Awang Hussein bin Pehin O.K. Di-Gadong A. Hj. Mohd. Yusof; Awang Hussein bin Abdul Razak; WO. I Awang Alec Riddoch (1967); WO. II. Awang Taman bin Jambul; Sgt. Awang Wahab bin Metussin; Cpl. Awang Hussain bin Abd. Razak; L/Cpl. Ak. Sulaiman bin Pengiran Duraman; Sgt. Awang Ma'arop bin Md Noor; Sgt. Awang Awang Md. Yatim bin Ahmad; Cpl. Awang Ja'afar bin Md. Dani dan C/Sgt. Awang Hussein bin Ahmad.

Pingat Hassanalkiah Sultan

Pangkat Pertama PHBS. I

Yang Amat Mulia, Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid (1968); Yang Di-Muliakan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja, Dato Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim (1968), DSP. Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu, Pengiran Haji Apeng (1968); Dato Seri Laila Jasa Awang W.I. Glass (1968); Awang Haji Talib bin Derwish (1968); Capt. Ak. Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apeng (1968); Capt. A. Sulaiman bin A. Damit (1968); Capt. Awang Muhammad bin Haji Daud (1968); Awang Ibrahim bin Abdul Rahman; Sheikh Othman bin Sheikh Hanif; Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Ahmad; Pengiran Sepiuddin bin Pengiran Haji Sulaiman; Capt. Awang

Mohd. Ariffin bin Haji Wahab; Lt. Awang Husin bin Ahmad; Lt. Awang Abd. Aziz bin Abdullah; Lt. Awang Kefli bin Razali; 2nd Lt. Awang Jock Lin bin Kong Paw dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin.

Pingat Hassanalkiah Sultan

Pangkat Kedua — PHBS. II.

Awang Omar bin Hussein; Awang Abd. Hamid bin Abd. Razak; Awang Mahmud bin Othman; Awang Talip bin Ali; Awang Alias bin Ahmad; Awang Colin Chong; Awang Seruji bin Sukor; Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar (1968); Dayang (Mrs.) Alice Teo Kim Yau; Dayang Habibah bte. Hussein; Awang Weston Keasberry; Awang Chua Kong Seng; Dayang Rosalind Chia; Awang Ahmad bin Medali; Awang M. Salleh bin Momin; Awang Ismail bin Abdul Rahman; Awang Basuini bin Mohd. Ja'afar; Awang Abdul Rahman bin Abdul Razak; Awang Hj. Mohd. Taib bin O.K. Muda Haji Hassan; Awang Roslee Teo Kim Yau; Pengiran Metussin bin Pengiran Shahbudin; Awang Hamdan bin Abdullah; Cpl. Awang Sabli bin Chuchu; L/Cpl. Ak. Sulaiman bin Pengiran Duraman; L/Cpl. Awang Ja'ah bin Jangkok; Pte. Ak. Mohammad bin Pengiran Hashim; Awang O.C. Wijeratne; Awang Song Kok Ho; Dayang Helen Chan Noi Whay; Dayang Lee Soak Keng; Dayang (Mrs.) S.J. McIntyre dan Awang Abdul Rafar bin Basah.

Pingat Jasa Kebaktian

— PJK.

DSP. Pengiran Umar bin Pengiran Datu Penghulu, Pengiran Haji Apeng. (1968); Awang Mohd Ali bin Awang Besar (1968); Awang P.N. Nayar (1968); Awang Harnam Singh; Awang V.R. Verappan; Awang Haji Puteh bin Nudin; Awang Haji Ibrahim bin Ahmad; Awang Daniel F.K. Wong; Dayang Hasnah bte. Bakar; Awang Tengah bin Ja'afar; Awang Stanley Cheong Fui Siong; Awang Bong Chong Chit; Awang Chua Ah Seng; Awang K.A. Pondikunju, Awang Hassan bin Mohamed dan Awang Ahmad bin Hassan.

Pingat Perjuangan

(8hb. Disember, 1962)

Awang Roslee Teo Kim Yau; Pengiran Metussin bin Pengiran Shahbudin; Awang Hamdan bin Abdullah dan Awang V.A. George (1968)